

Lebih banyak menabung berbanding berbelanja

KUALA LUMPUR - Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM) yang mengetatkan prosedur pemberian pinjaman sejak dua tahun lalu telah mendorong rakyat di negara ini mengamalkan tabiat berhemat dalam menguruskan kewangan mereka termasuk berhati-hati dalam berhutang.

Pensyarah Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Is-

lam Malaysia, Mohamad Noorizuddin Nooh berkata, masyarakat kini dilihat cenderung untuk menyimpan wang lebihan tersebut berbanding membelanjakannya semula.

"Sebelum ini rakyat mempunyai akses yang mudah untuk berhutang tetapi dengan pelaksanaan kawalan hutang oleh bank pusat, ia ternyata membuahkan hasil dan ber-

jaya mengurangkan kadar hutang," katanya di sini semalam.

Selain itu, beliau menjelaskan, antara faktor lain yang mendorong orang ramai untuk meningkatkan tabungan ialah kerana mereka berasa bimbang tentang pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang bakal dilaksanakan pada tahun depan.

Menurutnya, dengan adanya sistem cukai berasaskan barangan ini, orang ramai akan lebih berhati-hati untuk berbelanja.

"Malah dalam tempoh dua hingga tiga tahun ini, trend perbelanjaan rakyat Malaysia dilihat lebih terkawal dan selepas tempoh tersebut ia akan kembali seperti sedia kala," ujarnya.